

# Razaleigh sifatkan Mahathir sampaikan satu ucapan 'baik'

UM 3 OCT 1987

pp-umno

KUALA BAHARU 2 Okt. — Tengku Razaleigh Hamzah berkata, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menyampaikan satu ucapan yang 'baik' dalam perjumpaan tertutup dengan ahli-ahli jawatankuasa UMNO bahagian daerah Negeri Kelantan petang ini. Ketua UMNO bahagian Gua Musang itu bagaimanapun enggan mengulas lanjut walaupun para wartawan bertalu-talu mengajukan soalan. Dr. Mahathir pula memberitahu bahawa beliau akan berlepas dalam sidang akhbar esok kerana meninggalkan Kelantan untuk menghadiri lawatan ke Terengganu. Tengku Razaleigh yang sentiasa kelihatan riang apabila berseluruh bila para wartawan

mendesaknya menjawab soalan-soalan mereka. Beliau bertanya, "Dr. Mahathir kata apa?" bila diberitahu bahawa Perdana Menteri akan memberi sidang akhbar esok, Tengku Razaleigh pun berkata: "Kalau begitu, sayapun esoklah," sambil ketawa besar. Sebelum meninggalkan dewan perjumpaan selepas minum teh, Dr. Mahathir menghampiri Tengku Razaleigh dan bertanya: "Li, you pergi malam ini?" (ke majlis makam malam dan ramah mesra dengan ahli-ahli politik dan pegawai-pegawai kerajaan di rumah Menteri Besar). "Ya, ya," jawab Tengku Razaleigh. Bila sampai ke tingkat bawah Bangunan UMNO

sebelum masuk ke keretanya Dr. Mahathir berbual-bual lagi dengan Tengku Razaleigh selama beberapa minit. Bila Perdana Menteri meninggalkan bangunan itu, Tengku Razaleigh sekali lagi diserbu para wartawan hingga ke keretanya. Kali ini beliau meminta para wartawan pergi ke rumahnya esok. Sebenarnya, kata Tengku Razaleigh, dalam keadaan sekarang beliau lebih suka berdiam diri kerana 'cakap pun salah, tak cakap pun salah.' Sementara itu, menurut sumber-sumber UMNO Kelantan, perjumpaan petang ini lebih merupakan penyampaian amanat presiden parti yang menghurai dengan panjang lebar isu-isu semasa peringkat nasional.

Presiden parti dikatakan turut menyentuh beberapa masalah yang sedang dihadapi oleh UMNO seperti kes saman oleh 12 ahlinya dan usaha menyelesaikannya di luar mahkamah.

Sumber-sumber itu juga memberitahu bahawa Dr. Mahathir tidak menyentuh tentang kedudukan Tengku Razaleigh secara khusus bila beliau bercakap tentang penyatuan semula itu. Tengku Razaleigh difahamkan tidak bercakap apa-apa dalam perjumpaan satu setengah jam itu, begitu juga, ahli-ahli jawatankuasa bahagian-bahagian yang hadir tidak membangkitkan sebarang perkara.